

Kenyataan Dasar

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 23 Julai 2013

Pendahuluan

1. Data-data terkini menunjukkan bahawa ekonomi global terus beransur pulih walaupun pada kadar kepentasan yang berbeza. Pemulihan ekonomi-ekonomi maju berbeza di mana terdapat beberapa negara menunjukkan kemajuan dalam pertumbuhan dan kadar pengangguran manakala sebahagian negara masih bergelut dengan masalah hutang kerajaan dan krisis kewangan. Ekonomi-ekonomi yang sedang pesat membangun termasuk Asia, kekal mencatatkan pertumbuhan yang kukuh dan terus maju dalam usaha pembangunannya.
2. Di dalam suasana ekonomi global yang tidak menentu dan persekitaran yang mencabar, Negara Brunei Darussalam terus mencatatkan pertumbuhan positif dan berjaya mengekalkan kadar inflasi yang sederhana. Kunci kepada kestabilan makroekonomi berterusan ini adalah sistem lembaga matawang yang menjadi teras kepada dasar monetari Negara ini, di samping dasar fiskal berhemah yang diamalkan.
3. Memandangkan sektor kewangan mempunyai peranan penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi domestik, AMBD akan memastikan kekuahan dan pertumbuhan sektor ini dikekalkan melalui perlaksanaan undang-undang secara berkesan dan peraturan-peraturan yang berhemah.

Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Negara Brunei Darussalam

4. Pertumbuhan ekonomi domestik meningkat pada kadar 0.9% tahun ke tahun pada suku pertama 2013 berbanding dengan kadar pertumbuhan sebanyak

0.7% yang dicatatkan pada suku pertama 2012¹. Ini disebabkan oleh pertumbuhan Sektor Bukan Minyak dan Gas sebanyak 0.9% tahun ke tahun dan Sektor Minyak dan Gas sebanyak 0.8%. Unjuran rasmi pertumbuhan ekonomi bagi 2013 dijangkakan lebih kukuh iaitu pada kadar 2.3% berbanding dengan pertumbuhan 2012 dengan pertumbuhan Sektor Bukan Minyak dan Gas dijangka meningkat sebanyak 3.0%.

5. Bagi tempoh lima bulan pertama 2013, purata Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat sebanyak 0.9% berbanding dengan tempoh yang sama pada 2012. IHP bagi Mei 2013 meningkat sebanyak 0.9% tahun ke tahun disebabkan oleh indeks yang lebih tinggi bagi Makanan dan Minuman Ringan; Rekreasi dan Kebudayaan; dan Pengangkutan². Dolar Brunei dijangka bertambah kukuh sejajar dengan jangkaan meningkatnya Dolar Singapura. Kadar inflasi harga makanan global kekal sederhana dengan Indeks Harga Makanan UNFAO meningkat sebanyak 5.1% tahun ke tahun pada Mei 2013, lebih rendah berbanding dengan inflasi yang mencapai dua angka yang dilaporkan semasa krisis makanan 2007/2008 dan 2010/2011³. Kedua-dua faktor tersebut dijangka dapat membantu membendung kadar inflasi bagi barang import.
6. Pada Mac 2013, AMBD telah mengeluarkan Notis-Notis mengenai peraturan ke atas kadar-kadar pinjaman/pembiayaan dan kadar-kadar simpanan bank-bank berlesen, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan syarikat-syarikat kewangan berlesen. Kadar maksima telah ditetapkan untuk pinjaman/pembiayaan harta tanah kediaman, pinjaman/pembiayaan korporat dan pengguna, dan pembiayaan kenderaan bermotor (tidak termasuk motosikal) manakala kadar simpanan minima telah ditetapkan bagi simpanan Dolar Brunei. Langkah-langkah ini dilaksanakan dalam usaha AMBD yang berterusan bagi mempertingkatkan prasarana kewangan di samping memupuk pengurusan kewangan dan pengurusan hutang yang bijak di

¹ Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, *Quarterly Gross Domestic Product, Q1 2013, Negara Brunei Darussalam*.

² Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, *Consumer Price Index (CPI), May 2013, Negara Brunei Darussalam*.

³ United Nations Food and Agriculture Organization, *Food Price Index* pada Mei 2013.

kalangan peminjam. Kadar-kadar simpanan tersebut bertujuan untuk memastikan simpanan-simpanan orang ramai di Negara Brunei Darussalam diberi pulangan yang berpatutan bagi menggalakkan budaya menabung. Pihak Berkuasa juga berhasrat untuk memastikan sumber-sumber kewangan yang terdapat di bank-bank dapat disalurkan kepada peminjam-peminjam yang berkelayakan pada kadar yang berpatutan. Langkah ini bertujuan bagi menjana pertumbuhan pinjaman produktif dalam ekonomi bagi mendokong matlamat untuk mempelbagaikan ekonomi negara ke arah mencapai Wawasan 2035.

7. AMBD mengeluarkan Notis mengenai peraturan ke atas pinjaman/pembiayaan gadaijanji secara *charge-backed* pada November 2012 yang bertujuan untuk memastikan bank-bank akan lebih berhati-hati dalam menilai keupayaan membayar balik tanpa bergantung sepenuhnya kepada harta tanah yang dicagarkan. Ini adalah disebabkan oleh keprihatinan AMBD terhadap peningkatan penggunaan gadaijanji harta tanah kediaman para peminjam bagi melunaskan hutang-hutang yang sedia ada secara pembiayaan semula atau dengan menyatakan pinjaman-pinjaman yang bukan berkaitan harta tanah.
8. Dalam usaha untuk mendorong lebih banyak pinjaman produktif kepada *real economy*, AMBD mengeluarkan satu garispandu (Guidance Note) kepada semua bank pada Disember 2012 untuk membolehkan had pinjaman *Single Borrowing Limit* (SBL) yang lebih tinggi. Dengan pengeluaran garispandu tersebut, bank-bank dibenarkan untuk meningkatkan kadar had pinjaman SBL masing-masing dari 20% ke 30% daripada modal bank, tertakluk kepada kriteria-kriteria tertentu dipenuhi.
9. Rangka kerja perundangan untuk membenteras pembiayaan penganas telah diperkuatkukan lagi dengan menguatkuasakan Anti-Terrorism (Terrorist Financing) Regulations 2013 pada 8 Disember 2012. Peraturan-Peraturan tersebut memerlukan setiap warganegara Negara Brunei Darussalam dan warga asing di negara ini untuk membekukan dengan serta merta setiap dana

dan aset lain yang berkaitan dengan pembiayaan pengganas. Di bawah Peraturan-Peraturan ini, institusi kewangan, dan profesion dan perniagaan bukan kewangan dikehendaki melaporkan kepada AMBD sebarang transaksi yang disyaki melibatkan kegiatan-kegiatan pembiayaan pengganas.

10. Unit Perisikan Kewangan, AMBD dengan sokongan Jawatankuasa Kebangsaan Bagi Membentras Pembersihan Wang Haram dan Pembiayaan Pengganasan telah memainkan peranan utama dalam menyelaraskan perkembangan dan menangani kelemahan-kelemahan strategik dalam rejim pembenterasan pembersihan wang haram dan pembiayaan pengganasan Negara Brunei Darussalam. Usaha-usaha tersebut telah diiktiraf oleh Financial Action Task Force (FATF) dan semenjak Jun 2013, Negara Brunei Darussalam tidak lagi di bawah pemantauan proses International Cooperation Review Group (ICRG)⁴.

Perkembangan Masa Depan

11. Salah satu agenda utama AMBD adalah bagi meningkatkan dan mengukuhkan lagi prasarana sektor kewangan. Untuk itu, projek penubuhan sistem pembayaran dan penyelesaian kebangsaan (Payment and Settlement System - PSS) sedang diusahakan di mana perlaksanaan Real-Time Gross Settlement (RTGS) dan Automated Clearing House (ACH) berjalan mengikut jadual. Bahagian ketiga projek ini adalah penubuhan Central Securities Depository (CSD) yang akan dilaksanakan kemudian. Projek-projek ini adalah penting dalam usaha AMBD memastikan kestabilan kewangan serta memajukan lagi pasaran wang (*money market*), pasaran modal dan sektor perkhidmatan kewangan secara menyeluruh. Penubuhan sistem ini akan mensejajarkan Negara Brunei Darussalam dengan inisiatif-inisiatif sistem pembayaran ASEAN.
12. AMBD akan melaksanakan Securities Market Order baru dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengannya dalam mengawalselia kegiatan-kegiatan dan perilaku peserta-peserta yang terlibat. Ia menjadi salah satu tunggak

⁴ Pada 21 Jun 2013, FATF mengeluarkan kenyataan awam mengenai dengan pengeluaran Negara Brunei Darussalam dari pemerhatian ICRG di laman web rasminya (<http://www.fatf-gafi.org/>).

penting untuk mendokong pertumbuhan pasaran modal di Negara Brunei Darussalam melalui usaha memudahcara penubuhan modal serta memajukan peluang-peluang pelaburan. Dalam masa yang sama, ianya akan meningkatkan perlindungan ke atas para pelabur serta memastikan wujudnya keadilan, kecekapan dan ketelusan di dalam pasaran-pasaran berkenaan.

13. AMBD akan melaksanakan garispandu baru bagi ejen insurans/takaful am untuk memupuk tadbir urus yang baik di kalangan ejen insurans/takaful am. Ia termasuk menseragamkan kadar komisin kelas perniagaan tertentu. Bagi menyokong usaha kefahaman kewangan di seluruh negara, AMBD dengan kerjasama industri insurans/takaful akan melaksanakan usaha bagi memupuk kesedaran orang ramai terhadap manfaat-manfaat menggunakan perkhidmatan insurans/takaful.
14. Pada September 2012, Biro Kredit AMBD telahpun beroperasi sepenuhnya bagi membantu bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan mempertingkatkan pengurusan risiko pinjaman, mengurangkan jurang maklumat dan membolehkan lebih banyak keputusan dibuat dengan cekap berdasarkan maklumat yang lengkap dan tepat. Bagi menambahbaik perkhidmatan, Biro Kredit sedang dalam usaha untuk memperkenalkan kepada orang ramai perkhidmatan mendapatkan maklumat sendiri dan penyelesaian aduan. Perkhidmatan ini membolehkan peminjam mendapatkan laporan pinjaman mereka dan mendaftarkan aduan bagi maklumat yang tidak tepat.